



**TENGGU AMIR SHAH SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) kepada anak yatim di Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya, semalam.**

UM, MS 6, 11-7-2017

## RM74,800 bantu 748 anak yatim

**CYBERJAYA 11 Jun** - Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri berjumlah RM74,800 kepada anak-anak yatim sekitar Sepang dan Kuala Langat.

Sumbangan itu adalah daripada Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan setiap anak yatim menerima RM100 bagi membantu persiapan hari raya yang bakal tiba tidak lama lagi.

Baginda menyampaikan sumbangan itu kepada 748 anak yatim dalam majlis penyerahan di Masjid Raja Haji Fisabilillah di sini.

Dalam majlis sama, Tengku Amir Shah bagi pihak YIDE berkenan menerima sumbangan

RM100,000 daripada Koridor Padu Sdn. Bhd. untuk tujuan sumbangan Aidilfitri anak-anak yatim pada tahun ini.

YIDE juga menerima sumbangan bagi tujuan sama sebanyak RM34,000 serta RM10,000 masing-masing daripada PKNS Estate Sdn. Bhd. dan DatumCorp International.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Datuk Dr. Ahmad Yunus Hairi; Mufti Selangor, Datuk Mohd. Tamyas Abd. Wahid dan Pengerusi YIDE, Datuk Mohammad Adzib Mohd. Isa.

Pada masa sama, Mohammad Adzib memaklumkan, pihaknya telah menyalurkan sumbangan

Aidilfitri di enam daerah negeri ini manakala tiga daerah lagi bakal dilakukan pada minggu hadapan.

Katanya, setiap sumbangan tersebut adalah hasil daripada sumbangan syarikat milik kerajaan (GLC), sektor swasta dan individu yang prihatin.

"Selain itu, YIDE juga memperkenalkan sistem kupon infak dengan orang ramai boleh menyumbang menerusi kupon itu sebanyak RM2.

"Kami amat mengalu-alukan orang ramai untuk menjadi ejen atau wakil mengedarkan kupon ini serta berpeluang menerima upah 1/8 seperti diperuntukkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS)," katanya dalam satu kenyataan.